

# Pusat Luar UMS buka gerai di MSAM

UB 29.04.2012 B12

**BERTUJUAN** memberi penerangan tentang peluang pendidikan yang disediakan universiti itu, Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil di MSAM.

M e m f o k u s k a n golongan berkeluarga dan berkerjaya, pelbagai peluang pendidikan separuh masa ditawarkan

untuk golongan terbabit.

Pegawainya, Nerwani Shereen Halik berkata, peluang pendidikan disediakan adalah di peringkat sarjana muda dan sarjana.

“Antara bidang yang ditawarkan pula adalah pentadbiran perniagaan, psikologi



**NERWANI**



**KAKITANGAN UMS**, Maimunah Mahamood@Mohd memberi penerangan kepada pengunjung, Md Nasri Yunus (kanan) tentang peluang pendidikan yang ditawarkan.

dan ekonomi,” katanya ketika ditemui di gerai pameran MSAM.

UMS merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi awam yang membuka gerai di MSAM 2012.

Maklumat lanjut tentang peluang yang disediakan universiti ini boleh diperolehi dengan melawat gerai pameran Pusat Luar UMS di MSAM yang berlangsung sehingga 28 April ini.